

07 SEP 1996

DR MAHATHIR TIBA DI JOHOR UNTUK LAWATAN SEHARI

JOHOR BAHARU, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk melakukan lawatan sehari ke Johor.

Ketibaan Dr Mahathir di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai disambut oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan pegawai-pegawai kanan negeri.

Perdana Menteri kemudian akan melawat Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai.

Beliau akan diberi taklimat oleh Naib Canselor UTM, Datuk Dr Ahmad Industri Universiti (UNITAP).

Pada pukul 2.30 petang ini, Dr Mahathir akan merasmikan Karnival Ekuestrian Merdeka Perbadanan Johor Kelima di Stadium Tertutup Pasir Gudang sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Karnival itu anjuran bersama Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM) dan Kulim (Malaysia) Berhad, anak syarikat Perbadanan Johor, yang berlangsung empat hari mulai Khamis lepas.

Kira-kira 100 peserta dari dalam dan luar negara menyertai karnival itu yang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM80,000 dan trofi.

Antara negara yang menyertai kejohanan itu ialah Australia, India, New Singapura. -- BERNAMA

MKO BH NAK